



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PENGGUNAAN FLORA SEBAGAI PERUMPAMAAN DI DALAM  
AL-QURAN***

**SOLEHAH SALEH**

**FBMK 2017 60**



**PENGGUNAAN FLORA SEBAGAI PERUMPAMAAN DI DALAM  
AL-QURAN**

**Oleh**

**SOLEHAH BINTI SALEH**

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

**April 2017**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta ©Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

## **PENGGUNAAN FLORA SEBAGAI PERUMPAMAAN DI DALAM AL-QURAN**

Oleh

**SOLEHAH BINTI SALEH**

April 2017

**Pengerusi : Mohd Sukki Othman, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Allah S.W.T menggunakan flora sebagai perumpamaan untuk memberi pengaruh yang positif kepada jiwa manusia. Flora yang dinyatakan secara khusus dalam al-Qur'an al-Karim mempunyai kelebihan, keistimewaan dan terdapat juga hikmah yang tersendiri sehingga flora tersebut dinyatakan oleh Allah S.W.T dalam al-Qur'an. Hal ini menimbulkan persoalan mengapa flora tertentu sahaja dijadikan sebagai perumpamaan dalam al-Qur'an? Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis flora, menghuraikan bentuk pembahagian perumpamaan flora serta menjelaskan hikmah penggunaan flora tersebut sebagai perumpamaan dalam al-Qur'an. Kajian ini berbentuk kajian kepustakaan melalui pendekatan kualitatif. Kaedah analisis kandungan digunakan bagi menganalisis ayat yang mengandungi perumpamaan dalam al-Qur'an dari aspek flora. Ayat-ayat ini dihuraikan secara deskriptif berpandukan pendekatan 'Abd al-Rahmān Hasan Habannakah Al-Maidāniy. Analisis I'jāz bayānīy dan I'jāz 'ilmīy digunakan bagi menghasilkan kajian yang lebih mendalam. Dapatan kajian mendapati terdapat lapan jenis flora yang digunakan sebagai perumpamaan dalam al-Qur'an, iaitu: pokok kurma, biji benih, pokok, kayu, daun, rumput, tandan, dan tanaman. Kajian juga mendapati bentuk pembahagian perumpamaan flora tergolong dalam bentuk al-Basīt dan al-Murakkab. Bentuk pembahagian flora juga mengandungi dua pembahagian iaitu (ḥissīy- ḥissīy) ('aqlīy-ḥissīy) dan (haqīqīy-khayālīy). Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat empat kategori hikmah dalam perumpamaan flora iaitu ganjaran baik, balasan buruk, bukti kekuasaan Allah S.W.T serta kemuliaan dan kehinaan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

## USAGE OF FLORAL IN METAPHOR IN THE AL-QURAN

By

**SOLEHAH BINTI SALEH**

April 2017

**Chairman : Mohd Sukki Othman, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

Allah S.W.T using floral as a metaphor to positively affects human spiritual. Floral specifically mentioned in al-Qur'an were specially emphasized on its good, specialty and wisdom that they were introduced in the Al-Qur'an by Allah S.W.T. The question now arises as to why only certain floral serve as a metaphor in the Quran. Thus, this study aims to identify the floral types, to describe the distribution pattern of the flora metaphor and to explain the wisdom of the chosen floral to serve as metaphor in the Quran. This study is a review study which conducted through qualitative approach. Content analysis approach was used to analyse the floral-oriented metaphorical verses in the Quran. These verses then elaborated descriptively based on the approach of 'Abd al-Rahmān Hasan Habannakah Al-Maidāniy. I'jāz bayāniy and I'jāz 'ilmīy approach used for in depth observation. The study found that there are eight types of floral used as a metaphor in the al-Quran, namely dates, seeds, trees, wood, grass, fruits and plants. It is also found that the distribution pattern of the floral metaphor categorized into two types, which is al-Basīt and al-Murakkab. The distribution pattern of the floral are also consists of two types, namely (ḥissīy- ḥissīy) ('aqlīy-ḥissīy) and (haqīqīy-khayālīy). Study shows that four categories of wisdom in the floral metaphor are good reward, bad reward, the almighty sign of Allah S.W.T as well as the honorable and disgrace.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadirat Allah S.W.T kerana dengan izin dan pertolongan-Nya dapat saya menyiapkan tesis ini sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana bahasa Arab (Bahasa Moden dan Komunikasi). Pada kesempatan ini, jutaan terima kasih saya ucapkan kepada selaku penyelia Dr. Mohd Sukki Bin Othman dan Dr. Pabiyah Toklubok@Hajimaming selaku ahli jawatankuasa tesis ini atas tunjuk ajar, nasihat dan bimbingan yang diberikan sehingga terhasilnya tesis ini dengan jayanya. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada pensyarah-pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM) yang telah sudi berkongsi ilmu, kemahiran dan pengalaman selain menyumbangkan masa dan tenaga dalam memberikan input-input yang sangat berharga terhadap tesis saya ini.

Ucapan penghargaan dan terima kasih buat sahabat-sahabat seperjuangan, Balkis, Intisar, Fatimah, Izzati, Nadiyah, Aini, Hilmi, Hamzah, Huda, Farah, Juwairiah, Nazratul, Azean, Fiza, Dani dan Rosseliiah yang sentiasa memberi sumbangan idea dan pandangan, berkongsi bahan rujukan serta mencerikan tempoh pengajian.

Sekalung penghargaan dan terima kasih buat Siti Rokiah dan Faiqah serta pasangan bahagia Hasimah dan Fairuz atas sumbangan idea dan telah banyak membantu dalam menyempurnakan kajian ini. Penghargaan teristimewa saya rakamkan buat suami tercinta Shahrizal Bin Mohd Sabri, ibu yang tersayang Che Zaharah Binti Abu Bakar dan ayah yang dikasihi Saleh Bin Mahmud serta ahli keluarga, Syafizan, Shafirah, Masliana, Zulkifli, dan Mohd Erfan yang telah banyak memberikan sokongan sepanjang saya mengikuti program ini. Terima kasih kerana telah banyak bersabar dan berkorban sepanjang tempoh saya mengikuti program ini.

Akhir kata, terima kasih buat mereka yang telah banyak memberikan bantuan dan kerjasama, yang tidak dapat saya nyatakan kesemuanya di sini. Hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalas budi dan jasa baik anda semua dengan sebaik-baik ganjaran. Semoga usaha kita yang murni dan bermakna ini mendapat keberkatan dan keredaan Allah S.W.T.

Solehah Saleh  
Kodiang, Kedah Darul Aman  
2017

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 3 April 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Solehah binti Saleh bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Penggunaan Flora sebagai Perumpamaan di dalam Al-Quran” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Abd Rauf bin Hassan, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Che Radiah binti Mezah, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Mohd. Zaki bin Abd. Rahman, PhD**

Pensyarah Kanan  
Universiti Malaya  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)



---

**NOR AINI AB. SHUKOR, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 8 Ogos 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut :

**Mohd Sukki Othman, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Pabiyah Toklubok@Hajimaming, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan pengisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : Solehah binti Saleh (GS32860).

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan: Mohd Sukki Bin Othman, PhD

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: Pabiyah Toklubok@Hajimaming, PhD

## SENARAI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii
<b>PEDOMAN TRANSLITERASI</b>	xiv
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	3
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	5
1.6 Kepentingan Kajian	5
1.7 Batasan Kajian	6
1.7.1 Bidang Kajian	6
1.7.2 Subjek Kajian	6
1.8 Definisi Operational	7
1.8.1 Al-Qur'an al-Karim	7
1.8.2 Perumpamaan	7
1.8.3 Flora	8
1.9 Kesimpulan	8
<b>2 SOROTAN KAJIAN</b>	
2.1 Pendahuluan	9
2.2 Konsep Perumpamaan dalam al-Qur'an	9
2.2.1 Elemen Perumpamaan dalam al-Qur'an	10
2.3 Konsep Flora dalam al-Qur'an	13
2.3.1 Kepentingan Flora dalam al-Qur'an	14
2.3.2 Jenis Flora dalam al-Qur'an	15
2.4 Pembahagian Perumpamaan dalam al-Qur'an	17
2.4.1 Pembahagian Berdasarkan Susunan dan Penggunaan Perkataan	19
2.4.2 Pembahagian Mengikut Bentuk Perkara yang Diumpamakan	21
2.4.3 Pembahagian Berdasarkan Gambaran yang Diberi	24
2.5 Tujuan Perumpamaan dalam al-Qur'an	26
2.6 Al-I'jāz dalam al-Qur'an	28
2.6.1 Al-I'jāz Bayānīy	28

2.6.2	Al-I'jāz 'Ilmīy	28
2.7	Kesimpulan	29
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	
3.1	Pengenalan	30
3.2	Reka Bentuk Kajian	30
3.2.1	Kaedah Kajian	30
3.2.2	Pemilihan Sumber Kajian	31
3.2.3	Pemilihan ayat	31
3.3	Prosedur Pengumpulan Data	32
3.4	Prosedur Analisis Data	34
3.4.1	Objektif 1: Mengenal Pasti Jenis Flora yang Digunakan Sebagai Perumpamaan dalam al- Qur'an	34
3.4.2	Objektif 2: Menghuraikan Bentuk Pembahagian Perumpamaan Flora dalam al-Qur'an	35
3.4.3	Objektif 3: Menjelaskan Hikmah Penggunaan Perumpamaan Flora dalam al-Qur'an dari aspek I'jāz Bayānīy dan I'jāz 'Ilmīy	35
3.5	Kesimpulan	36
<b>4</b>	<b>PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Pengenalan	37
4.2	Jenis Flora yang digunakan sebagai Perumpamaan dalam al-Qur'an	39
4.2.1	Pokok Kurma	39
4.2.2	Biji Benih	42
4.2.3	Pokok	43
4.2.4	Kayu	45
4.2.5	Daun	47
4.2.6	Rumput	49
4.2.7	Tandan	50
4.2.8	Tanaman	52
4.3	Analisis Bentuk Pembahagian Perumpamaan Flora dalam al-Qur'an	54
4.3.1	Pokok Kurma	54
a)	Pembahagian dari aspek susunan dan penggunaan perkataan	55
b)	Pembahagian dari aspek bentuk perkara yang diumpamakan	55
c)	Pembahagian dari aspek gambaran yang diberi	56
4.3.2	Biji Benih	57
a)	Pembahagian dari aspek susunan dan penggunaan perkataan	57
b)	Pembahagian dari aspek bentuk perkara yang diumpamakan	58
c)	Pembahagian dari aspek gambaran yang diberi	58
4.3.3	Pokok	59

	a) Pembahagian dari aspek susunan dan penggunaan perkataan	60
	b) Pembahagian dari aspek bentuk perkara yang diumpamakan	60
	c) Pembahagian dari aspek gambaran yang diberi	61
4.3.4	Kayu	61
	a) Pembahagian dari aspek susunan dan penggunaan perkataan	62
	b) Pembahagian dari aspek bentuk perkara yang diumpamakan	62
	c) Pembahagian dari aspek gambaran yang diberi	63
4.3.5	Daun	64
	a) Pembahagian dari aspek susunan dan penggunaan perkataan	64
	b) Pembahagian dari aspek bentuk perkara yang diumpamakan	65
	c) Pembahagian dari aspek gambaran yang diberi	65
4.3.6	Rumput	66
	a) Pembahagian dari aspek susunan dan penggunaan perkataan	66
	b) Pembahagian dari aspek bentuk perkara yang diumpamakan	67
	c) Pembahagian dari aspek gambaran yang diberi	67
4.3.7	Tandan	68
	a) Pembahagian dari aspek susunan dan penggunaan perkataan	68
	b) Pembahagian dari aspek bentuk perkara yang diumpamakan	69
	c) Pembahagian dari aspek gambaran yang diberi	69
4.3.8	Tanaman	70
	a) Pembahagian dari aspek susunan dan penggunaan perkataan	71
	b) Pembahagian dari aspek bentuk perkara yang diumpamakan	71
	c) Pembahagian dari aspek gambaran yang diberi	72
4.4	Analisis Hikmah Perumpamaan Flora dalam al-Qur'an	72
4.4.1	Ganjaran Baik	73
4.4.1.1	Hikmah Perumpamaan Biji Benih	74
4.4.2	Balasan Buruk	76
4.4.2.1	Hikmah Perumpamaan Pokok Kurma	76
4.4.2.2	Hikmah Perumpamaan Daun	78
4.4.2.3	Hikmah Perumpamaan Rumput	80
4.4.3	Kemuliaan dan Kehinaan	82
4.4.3.1	Hikmah Perumpamaan Kayu	83
4.4.3.2	Hikmah Perumpamaan Tanaman	85
4.4.3.3	Hikmah Perumpamaan Pokok	87
4.4.4	Bukti Kekuasaan Allah S.W.T	89
4.4.4.1	Hikmah Perumpamaan Tandan	89
4.5	Kesimpulan	92

<b>5</b>	<b>KESIMPULAN</b>	
5.1	Pengenalan	93
5.2	Rumusan	93
5.2.1	Jenis flora yang digunakan sebagai perumpamaan dalam al-Qur'an	93
5.2.2	Bentuk pembahagian perumpamaan al-Qur'an mengenai flora	95
5.2.3	Hikmah penggunaan perumpamaan flora dalam al-Qur'an	96
5.3	Cadangan	96
5.3.1	Cadangan Pengajaran dan Pembelajaran bagi subjek bahasa Arab	96
5.3.2	Cadangan untuk kajian lanjutan	97
5.4	Kesimpulan	98
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	99
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	104

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
2.1	Pembahagian Perumpamaan menurut ‘Abd al-Rahmān Hasan Habannakah al-Maidāniy (1992)	18
4.1	Jenis Flora, Bentuk Pembahagian Perumpamaan Flora dan Hikmahnya	38
4.2	Bentuk Pembahagian Perumpamaan Pokok Kurma	55
4.3	Bentuk Pembahagian Perumpamaan Biji Benih	57
4.4	Bentuk Pembahagian Perumpamaan Pokok	59
4.5	Bentuk Pembahagian Perumpamaan Kayu	62
4.6	Bentuk Pembahagian Perumpamaan Daun	64
4.7	Bentuk Pembahagian Perumpamaan Rumput	66
4.8	Bentuk Pembahagian Perumpamaan Tandan	68
4.9	Bentuk Pembahagian Perumpamaan Tanaman	70
4.10	Kategori Hikmah Perumpamaan Flora dalam al-Qur’an	73
4.11	Kategori Hikmah Ganjaran Baik dalam Perumpamaan Flora	73
4.12	Kategori Hikmah Balasan Buruk dalam Perumpamaan Flora	76
4.13	Kategori Hikmah Kemuliaan dan Kehinaan dalam Perumpamaan Flora	82
4.14	Kategori Hikmah Bukti Kekuasaan Allah S.W.T dalam Perumpamaan Flora	89

## SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
3.1	Taburan data berdasarkan perkataan flora.	33
3.2	Taburan data berdasarkan surah	34
4.1	Penggunaan pokok kurma dalam surah al-Qamar ayat 20 dan al-Haqqah ayat 7	40
4.2	Penggunaan flora biji benih dalam surah al-Baqarah ayat 261	43
4.3	Penggunaan flora pokok dalam surah Ibrahim ayat 24 hingga 26	44
4.4	Penggunaan flora kayu dalam surah al-Munafiqun ayat 4	46
4.5	Penggunaan flora daun dalam surah al-Fil ayat 5	48
4.6	Penggunaan flora rumput dalam surah al-Qamar ayat 31	49
4.7	Penggunaan flora tandan dalam surah Yasin ayat 39	51
4.8	Penggunaan flora tanaman dalam surah al-Fath ayat 29	53
4.9	Bentuk pembahagian perumpamaan flora pokok kurma dari aspek bentuk perkara yang diumpamakan	56
4.10	Bentuk pembahagian perumpamaan flora biji benih dari aspek bentuk perkara yang diumpamakan	58
4.11	Bentuk pembahagian perumpamaan flora pokok dari aspek bentuk perkara yang diumpamakan	60
4.12	Bentuk pembahagian perumpamaan flora kayu dari aspek bentuk perkara yang diumpamakan	63
4.13	Bentuk pembahagian perumpamaan flora daun dari aspek bentuk perkara yang diumpamakan.	65
4.14	Bentuk pembahagian perumpamaan flora rumput dari aspek bentuk perkara yang diumpamakan	67
4.15	Bentuk pembahagian perumpamaan flora tandan dari aspek bentuk perkara yang diumpamakan	69



4.16 Bentuk pembahagian perumpamaan flora tanaman dari aspek bentuk perkara yang diumpamakan

71



## SENARAI SINGKATAN

a.s	‘Alayh al-salam
c.	cetakan
et al.	ditulis oleh lebih daripada dua orang penulis
h.	Halaman
Ibid.	Ibidem (Latin) – pada rujukan yang sama
j.	Jilid
no.	Nombor
op.cit	Opera Citato (Latin) – dalam rujukan yang telah disebutkan
r.a.	Raḍiya Allāh ‘Anh
S.A.W	Ṣallāllāh ‘Alayh Wasallam
Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad
S.W.T	Subhānah wa Ta’āla
T.P.	Tiada penerbit
t.t.	tanpa tarikh
T.T.P	Tiada Tempat Penerbit

**PEDOMAN TRANSLITERASI ARAB KE RUMI  
(DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, 1992)**

**A. Konsonan**

Huruf Arab	Huruf Rumi
ب	B
ت	T
ث	Th
ج	J
ح	ḥ
خ	Kh
د	D
ذ	Dh
ر	R
ز	Z
س	S
ش	Sh
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ

Huruf Arab	Huruf Rumi
ظ	z
ع	`
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
ه	h
ء	'
ي	y
ة	t

**B. Vokal**

Pendek		Panjang		Diftong	
(ـَ)	A	اَ	ā	أَيَّ	ay
(ـِ)	I	اِ	ī	أَوْ	aw
(ـُ)	U	اُ	ū		

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Al-Qur'an didatangkan untuk seluruh alam yang diwahyukan kepada rasul-Nya Muhammad S.A.W sebagai petunjuk dan pedoman kepada seluruh manusia ke arah jalan kebenaran. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Israa' ayat 9:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ۙ

Maksudnya: *Sesungguhnya Al-Qur'an ini memberi petunjuk ke jalan yang paling lurus dan memberi khabar gembira kepada orang mukmin yang mengerjakan kebajikan, bahawa mereka akan mendapat pahala yang besar.*

Allah S.W.T telah menyajikan pelbagai bentuk petunjuk dalam al-Qur'an kepada hamba-Nya. Antaranya ialah melalui perumpamaan yang terdapat di dalamnya. Perumpamaan al-Qur'an termasuk di dalam 'Ulūm al-Qur'an yang bertujuan untuk memahami kalam Allah S.W.T dalam pelbagai aspek, termasuk dari segi penurunannya, pengumpulannya, penafsirannya, serta tidak ketinggalan juga aspek kandungan al-Qur'an itu sendiri.

Allah S.W.T telah mengisikan al-Qur'an dengan pelbagai perumpamaan supaya manusia mengambil pelajaran dan pengajaran. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Zumar ayat 27:

وَلَقَدْ صَرَّفْنَا لِلنَّاسِ فِي هَذَا الْقُرْآنِ مِنْ كُلِّ مَثَلٍ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ۙ

Maksudnya: *Dan demi sesungguhnya! Kami telah mengemukakan kepada umat manusia berbagai perumpamaan dalam Al-Qur'an ini, supaya mereka mengambil peringatan dan pelajaran.*

Pelbagai perumpamaan dapat ditemui dalam al-Qur'an, antaranya perumpamaan manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, elemen alam semesta dan sebagainya. Al-Qur'an menggunakan perumpamaan daripada kumpulan haiwan seperti labah-labah, lalat, nyamuk, keldai, anjing dan lain-lain (Mohd Sukki, 2011). Elemen fenomena alam tabii juga dijadikan sebagai bahan perumpamaan seperti awan, hujan, kilat, guruh, laut, sungai, tumbuhan, bukit dan sebagainya. Begitu juga perkara yang berkaitan dengan elemen penyakit dan sifat manusia seperti buta, pekak, bisu dan lain-lain (Azhar, 2008). Tumbuhan juga adalah salah satu elemen yang digunakan dalam al-Qur'an sebagai perumpamaan. Tumbuhan merupakan salah satu daripada alam benda hidup yang

terdapat di alam semesta. Terdapat banyak faktor kenapa al-Qur'an menggunakan unsur-unsur tumbuhan sebagai perumpamaan termasuk untuk memberi pengajaran dan peringatan kepada manusia. Antaranya yang boleh diperhatikan di sini adalah kerana tumbuhan sangat berkait rapat dan memberi banyak manfaat kepada kehidupan umat manusia dan haiwan.

Menurut Baharuddin (1987) dari segi sosio-ekonomi melalui tanaman, manusia amat memerlukan bahan makanan untuk meneruskan kehidupan. Melalui tumbuhan manusia akan mendapat beras, jagung, gandum, buah-buahan dan sayuran untuk memenuhi keperluan makanan sebagai keperluan hidup. Antaranya lagi, kayu yang diambil daripada tumbuhan dimanfaatkan untuk bidang perindustrian seperti peralatan rumah untuk dijadikan sebagai tempat berteduh dari sebarang bahaya dan beberapa kegunaan lain. Selain itu, oksigen yang dihasilkan oleh tumbuhan amat penting bagi kehidupan manusia dan haiwan yakni untuk sistem pernafasan.

Tidak dinafikan bahawa manusia dan haiwan amat memerlukan tumbuhan untuk meneruskan kehidupan. Allah S.W.T menggunakan elemen tumbuhan sebagai perumpamaan untuk mendekati gambaran sesuatu itu di dalam pemikiran seseorang kerana kejadian flora adalah fenomena alam yang sentiasa berlaku di sekeliling manusia. Oleh itu, kajian ini akan tertumpu kepada perbincangan mengenai perumpamaan dalam al-Qur'an dari aspek flora sahaja. Perbincangan akan tertumpu kepada jenis-jenis flora yang digunakan sebagai perumpamaan dalam al-Qur'an. Kajian ini juga akan mengeluarkan bentuk pembahagian perumpamaan flora tersebut serta melihat hikmah penggunaannya.

Justeru, diharapkan agar kajian ini akan dapat memberikan sumbangan yang bernilai ke arah memahami dan mendalami perumpamaan dalam al-Qur'an dari aspek flora, seterusnya memahami al-Qur'an dengan lebih berkesan.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Al-Qur'an dan al-Sunnah merupakan sumber pelbagai ilmu pengetahuan yang tidak akan pernah habis walaupun dikaji terus menerus. Kedua-duanya menjadi sumber inspirasi untuk diterokai dari pelbagai sudut. Perumpamaan adalah salah satu keistimewaan gaya bahasa yang digunakan dalam al-Qur'an al-Karim.

Menurut Mohd Sukki (2011), salah satu gaya bahasa yang indah dan istimewa yang mengandungi *I'jāz* ialah penggunaan *amthāl* di dalam ayat-ayat al-Qur'an. Menurut Al-Marāghiy (2001), perumpamaan dalam al-Qur'an didatangkan untuk memudahkan pemahaman dan mengingatkan manusia terhadap makna perkataan kerana hati lebih mudah dilembutkan dengan perumpamaan. Ia dapat mengeluarkan makna dari yang tersembunyi kepada yang jelas dan dari yang diketahui dengan fikiran kepada yang dapat diketahui menerusi tabiat. Dengan perumpamaan, sesuatu yang rasional dapat

disesuaikan dengan sesuatu yang bersifat inderawi. Maka akan tercapai pengetahuan yang sempurna tentang sesuatu yang diumpamakan.

Azhar (2008) menyatakan al-Qur'an banyak menggunakan elemen fenomena alam semesta sebagai bahan penyerupaan seperti awan, hujan, kilat, guruh, laut, sungai, tumbuhan, pokok, bukit dan sebagainya. Jika diaplikasikan konsep tumbuhan kepada manusia, tumbuhan merupakan sumber yang penting kepada kehidupan manusia. Terdapat 500,000 jenis tumbuhan di seluruh dunia. Lima ribu spesies telah dikaji oleh pakar-pakar untuk kegunaan perubatan. Beribu-ribu spesies lagi telah digunakan secara tradisional oleh manusia di dalam kehidupan seharian. Selain dari fungsi perubatan, tumbuhan juga berguna untuk proses-proses hidup yang lain seperti bahan makanan dan penjagaan kesihatan, kosmetik, perindustrian dan landskap (hiasan) (Wan Hanisah et. al, 2003). Tumbuhan merupakan makhluk ciptaan Allah S.W.T yang dijadikan untuk menyampaikan mesejnya yang tersendiri.

Oleh itu, tidak hairan kenapa Allah S.W.T menggunakan elemen tumbuhan sebagai perumpamaan dalam al-Qur'an kerana tumbuhan sangat berkait rapat dengan kehidupan manusia supaya dapat memberi mesej yang penting kepada manusia seperti pendidikan, pengajaran, amaran, nasihat, pujian, kejian, celaan, dan sebagainya. Berdasarkan pengertian tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa salah satu keunikan al-Qur'an ialah dari aspek metod penyampaian mesej kepada hambanya melalui perumpamaan. Al-Qur'an bukan sekadar untuk dibaca, tetapi isinya perlu difahami, dihayati, dan diamalkan. Memandangkan perumpamaan adalah salah satu ilmu yang terpenting dalam al-Qur'an, pengkaji telah memilih perumpamaan dalam al-Qur'an sebagai tajuk kajian. Tetapi pengkaji lebih mengkhususkan perumpamaan flora dalam al-Qur'an sahaja.

Justeru, amat bertepatan Allah S.W.T menggunakan tumbuhan sebagai perumpamaan untuk memberi pengaruh yang positif kepada jiwa manusia. Di mana manusia akan terpengaruh dengan fenomena yang berada di persekitaran mereka. Memandangkan kepada kepentingannya, pengkaji amat berkeyakinan bahawa kajian ini akan dapat memperlihatkan keunggulan dan keistimewaan gaya bahasa al-Qur'an yang diturunkan oleh Allah S.W.T kepada umat-Nya.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Ilham (2010) menyatakan pentingnya perumpamaan dalam al-Qur'an sebagai media untuk menjelaskan berbagai persoalan kepada manusia, baik mengenai keimanan, syari'at, keluarga, sejarah, dan sebagainya mahupun di dunia dan akhirat. Azhar (2008) menyatakan bahawa, sekiranya bentuk perumpamaan ini tidak diketengahkan kepada umum, ia hanya akan dibaca sebagaimana ayat-ayat lain. Mungkin ramai dalam kalangan orang Islam yang tidak menyedari kewujudannya dan sukar memahami dengan baik. Begitu juga Mohd Sukki (2011) menyatakan, perumpamaan dalam al-Qur'an merupakan perkara yang belum mendapat perhatian sewajarnya sebelum ini.

Zawawi & Mohd Sukki (2005) menyatakan, sebarang perubahan yang berlaku dalam diri manusia atau kehidupan mereka berpunca daripada pengaruh yang diperolehi daripada pelbagai unsur dan sumber dalam kehidupan. Azhar (2008) menyatakan bahawa tumbuh-tumbuhan yang merupakan makhluk terbesar di atas muka bumi ini juga digunakan sebagai bahan penyerupaan dalam al-Qur'an. Menurut Suraida (2012), tumbuhan penghijau mempunyai pelbagai fungsi antaranya seperti menghasilkan makanan dan sebagai keseimbangan ekosistem alam. Namun, tumbuhan yang begitu banyak manfaatnya kurang disedari oleh Masyarakat.

Menurut Khairul et. al (2013), faktor 'kebiasaan' telah mematikan deria manusia untuk merenungi dan merasai keindahan alam semesta. Deria mula tidak merasai sesuatu yang dilihat dan didengari. Seolah-olah tiada apa-apa kelebihan pada alam semesta yang diciptakan oleh Allah S.W.T. Ayat berkaitan tumbuhan perlu dikaji seni bahasanya supaya maksud keindahan itu dapat sampai ke jiwa pembaca.

Menurut Sumaiyah (2015), tafsiran ayat al-Qur'an menyatakan tumbuh-tumbuhan di dalam al-Qur'an lebih baik daripada tumbuhan lain kerana ia dinyatakan kegunaannya secara khusus iaitu kurma dan zaitun. Tumbuhan yang dinyatakan secara khusus dalam al-Qur'an mempunyai kelebihan, keistimewaan, bahkan mungkin ada juga jenis tumbuhan yang mempunyai hikmah yang tersendiri sehingga tumbuhan tersebut dinyatakan oleh Allah S.W.T secara khusus dalam al-Qur'an. Hal ini telah menimbulkan persoalan apakah jenis flora yang dijadikan sebagai perumpamaan dalam al-Qur'an, dan bentuk perumpamaan tersebut serta apakah hikmah dan keistimewaan penggunaan flora tersebut sebagai perumpamaan dalam al-Qur'an.

Azhar (2008) menyatakan walaupun karya-karya Arab dalam bidang ini begitu banyak, namun bahan rujukan dalam bidang ini masih tidak mencukupi di Malaysia. Kekurangan bahan-bahan rujukan dalam bidang pengajian bahasa dan retorik al-Qur'an dalam pengantar bahasa Melayu adalah amat ketara sekali. Manakala menurut Zamzam Atirah (2004), kajian mengenai bidang ini masih kurang dilakukan oleh masyarakat Islam di negara ini. Masyarakat Malaysia khususnya umat Islam sewajarnya didedahkan dengan keistimewaan al-Qur'an supaya tahap penghayatan mereka terhadap ajaran al-Qur'an akan menjadi lebih mantap dan jelas.

Rumusan daripada permasalahan ini, didapati ayat perumpamaan belum mendapat perhatian yang sewajarnya dan sukar difahami. Permasalahan ini juga didapati ayat perumpamaan berkaitan flora dibaca sebagaimana ayat-ayat lain dan tidak dihayati dan diambil pengajaran daripada ayat tersebut walaupun terdapat pelbagai keistimewaan dan keindahan pada alam semesta yang diciptakan oleh Allah S.W.T. Tumbuhan yang dinyatakan kegunaannya secara khusus dalam al-Qur'an hanya kurma dan zaitun juga menimbulkan persoalan mengenai apakah jenis flora yang dijadikan sebagai perumpamaan dalam al-Qur'an, dan bentuk perumpamaan tersebut serta apakah hikmah dan keistimewaan penggunaan flora tersebut sebagai perumpamaan dalam al-Qur'an. Didapati juga sumber rujukan di Malaysia mengenai perumpamaan dalam al-Qur'an masih tidak mencukupi terutamanya yang mengkhususkan flora.



Oleh itu, sebuah kajian mengenai perumpamaan flora harus dijalankan bagi menambahkan lagi bahan rujukan kepada para pengkaji dan pembaca. Secara tidak langsung, hal ini juga mempamerkan bahawa kajian mengenai perumpamaan flora dalam al-Qur'an yang dilakukan adalah penting dalam membantu memberi pengajaran dan pembelajaran untuk kehidupan masyarakat yang lebih harmoni. Selain itu, kajian ini diharapkan dapat mengembangkan lagi pembelajaran ilmu al-Qur'an di Malaysia disamping membantu para pembaca untuk memahami dan menghayati al-Qur'an al-Karim.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Daripada permasalahan kajian yang dinyatakan sebelum ini, beberapa persoalan telah timbul yang berkaitan dengan kajian. Persoalan tersebut ialah seperti berikut:

1. Apakah jenis flora yang digunakan sebagai perumpamaan dalam al-Qur'an?
2. Apakah bentuk pembahagian perumpamaan yang digunakan dalam al-Qur'an sebagai perumpamaan flora?
3. Mengapakah al-Qur'an menggunakan flora tersebut sebagai perumpamaan?

#### **1.5 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan adalah untuk mencapai beberapa objektif seperti berikut:

1. Mengenal pasti jenis flora yang digunakan sebagai perumpamaan dalam al-Qur'an.
2. Menghuraikan bentuk pembahagian perumpamaan flora dalam al-Qur'an.
3. Menjelaskan hikmah penggunaan flora sebagai perumpamaan dalam al-Qur'an dari aspek *I'jāz bayānīy* dan *I'jāz 'ilmīy*.

#### **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting kerana dapatannya akan menjelaskan keindahan perumpamaan flora dalam al-Qur'an. Melalui kajian ini pelajar dapat mendalami bidang retorik al-Qur'an dan dapat menghayati ilmu al-Qur'an dengan lebih mendalam. Para pelajar juga dapat mengenali ilmu tentang penggunaan gaya bahasa perumpamaan dalam al-Qur'an disamping memahami flora dari sudut al-Qur'an dan sains. Kajian ini diharap dapat memberi impak kepada Penggubal kurikulum supaya mengemaskini pembelajaran retorik al-Qur'an bagi meningkatkan pencapaian pelajar dalam ilmu al-Qur'an.

Kajian ini juga diharap dapat memberi manfaat mengenai flora yang digunakan sebagai perumpamaan dalam al-Qur'an serta dapat menimbulkan minat dan suka membaca al-Qur'an di kalangan masyarakat dan juga dapat mengetahui kisah-kisah kaum terdahulu disamping mengambil iktibar dan pengajaran. Kajian ini adalah sebagai satu usaha untuk



mengajak dan menaikkan lagi semangat umat Islam di Malaysia untuk menghayati al-Qur'an dengan lebih efektif khususnya berkenaan dengan perumpamaan flora di dalam al-Qur'an.

## **1.7 Batasan Kajian**

Beberapa perkara yang melibatkan batasan kajian atau skop kajian yang akan diambil kira termasuklah bidang kajian, subjek kajian, dan data kajian. Skop-skop ini diterangkan dengan lebih jelas seperti berikut:

### **1.7.1 Bidang Kajian**

Kajian mengenai perumpamaan al-Qur'an yang dibincangkan lebih mengutamakan aspek balaghah Arab. Pengkaji telah memilih tajuk yang berkenaan dengan perumpamaan dalam al-Qur'an. Tajuk kajian yang dipilih lebih khusus iaitu "Perumpamaan Flora Dalam al-Qur'an". Skop kajian ini merangkumi perkara penting mengenai perumpamaan al-Qur'an yang dibincangkan iaitu perbincangan mengenai pemilihan jenis flora, bentuk pembahagian dan hikmahnya.

### **1.7.2 Subjek Kajian**

Dalam kajian ini, al-Qur'an al-Karim dan terjemahannya merupakan bahan rujukan yang utama. Bahan rujukan lain yang berkaitan dengan flora juga akan digunakan dalam kajian ini. Dalam al-Qur'an terdapat banyak ayat-ayat yang mengandungi perumpamaan. Untuk memastikan kajian ini mencapai matlamatnya dengan sempurna, pengkaji hanya fokus kepada ayat-ayat yang berkaitan dengan perumpamaan flora dalam al-Qur'an sahaja. Setelah diteliti, pengkaji mendapati bahawa terdapat sembilan ayat al-Qur'an yang menggunakan tumbuhan sebagai perumpamaan. Surah dan ayat tersebut ialah al-Qamar ayat 20 dan 31, al-Haqqah ayat 7, al-Baqarah ayat 261, al-Munafiqun ayat 4, Ibrahim ayat 24 hingga 26, al-Fath ayat 29, Yasin ayat 39 dan al-Fil ayat 5.

Pelbagai jenis flora yang disebutkan dalam al-Qur'an seperti anggur, buah tin, bawang merah, bawang putih, biji sawi, delima, gandum, halia, kacang dal, kapur, kasturi, kurma, labu, mawar, pohon bidara, biji benih, pohon cemara, pohon khuldi, pohon pisang, rumput, timun, kayu, zaitun, tandan dan sebagainya. Namun begitu, hanya beberapa jenis flora sahaja yang dijadikan sebagai perumpamaan dalam al-Qur'an seperti pokok kurma dalam surah al-Qamar ayat 20 dan surah al-Haqqah ayat 7, biji benih dalam surah al-Baqarah ayat 261, kayu dalam surah al-Munafiqun ayat 4, daun dalam surah al-Fil ayat 5, tandan dalam surah Yasin ayat 39, rumput dalam surah al-Qamar ayat 31, pokok dalam surah Ibrahim ayat 24 hingga 26, dan tanaman dalam surah al-Fath ayat 29.

Kajian ini berbentuk kajian kepustakaan melalui pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif ini adalah dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Kaedah analisis kandungan digunakan bagi menganalisis ayat-ayat perumpamaan dalam al-Qur'an dari aspek flora. Ayat-ayat ini diuraikan secara deskriptif atau penerangan. Kajian ini juga akan menggunakan pendekatan *I'jāz bayānī* dan *I'jāz 'ilmī* bagi menerangkan hikmah perumpamaan flora dalam al-Qur'an untuk memperoleh kefahaman yang lebih jelas dan mantap. Perbincangan yang mendalam akan dikupas dalam bab selanjutnya.

## **1.8 Definisi Operasional**

Dalam subtopik ini, beberapa istilah yang menjadi fokus utama kajian dipilih untuk diuraikan bagi memastikannya selari dengan objektif kajian. Kajian ini akan menguraikan definisi operasional seperti berikut:

### **1.8.1 Al-Qur'an al-Karim**

Al-Qur'an diturunkan bagi seluruh alam yang diwahyukan kepada rasul-Nya Muhammad S.A.W sebagai petunjuk dan pedoman kepada seluruh manusia ke arah jalan kebenaran. Gaya bahasa Al-Qur'an mempunyai keunikannya yang tersendiri. Dalam al-Qur'an banyak sekali Allah S.W.T menggunakan perumpamaan untuk menyampaikan pesanan, pengajaran dan peringatan kepada manusia. Pelbagai jenis elemen yang digunakan sebagai perumpamaan dalam al-Qur'an. Setelah diteliti, pengkaji mendapati ada beberapa ayat yang menggunakan tumbuhan sebagai perumpamaan dalam al-Qur'an. Oleh itu, pengkaji telah memilih ayat-ayat yang berkaitan dengan flora yang digunakan sebagai perumpamaan sahaja untuk dianalisis dalam kajian ini.

### **1.8.2 Perumpamaan**

Perumpamaan bermaksud sesuatu yang dianggap sama dengan, ibarat, misal dan contoh. Perumpamaan merupakan perkataan yang berupa perbandingan dengan sesuatu yang lain dan secara umumnya mengandungi ajaran (Kamus Dewan, 2010). Perumpamaan di dalam al-Qur'an merupakan satu gaya bahasa yang mampu membongkar dan mendedahkan sesuatu perkara dengan cara yang realistik. Ia bertujuan menjelaskan secara terperinci makna dan maksud al-Qur'an itu sendiri serta membolehkan manusia menyelami rahsia-rahsia disebalik perkara-perkara ghaib (Mohd Sukki, 2004).

Menurut Azhar (2008), Allah S.W.T menggunakan pelbagai elemen penyerupaan dalam al-Qur'an. Antaranya adalah elemen fenomena alam semesta seperti hujan, kilat, sungai, tumbuhan, bukit dan sebagainya. Kumpulan haiwan juga diambil sebagai bahan penyerupaan seperti labah-labah, anjing, keldai, nyamuk dan lain-lain. Manakala elemen penyakit dan sifat manusia juga termasuk dalam elemen penyerupaan dalam al-Qur'an

seperti buta, pekak, bisu dan sebagainya. Dalam kajian ini, perumpamaan dalam al-Qur'an hanya akan memfokuskan kepada aspek flora sahaja.

### **1.8.3 Flora**

Flora ialah tumbuh-tumbuhan yang terdapat di sesuatu daerah atau pada sesuatu masa (Kamus Dewan, 2010). Tumbuhan merupakan salah satu daripada alam benda hidup yang terdapat di alam semesta. Tumbuh-tumbuhan terdiri daripada berbagai-bagai bentuk dan saiz, daripada diatom satu sel yang berukuran tidak sampai satu millimeter, sehinggalah kepada hidupan terbesar di dunia seperti pokok redwood gergasi di California, yang tingginya melebihi 110 meter (360 kaki) (Mike Janulewicz, 1991).

Pelbagai jenis tumbuhan yang terdapat di muka bumi ini dan bermacam-macam jenis tumbuhan Allah S.W.T sebut di dalam al-Qur'an. Antaranya ialah pokok zaitun, delima, anggur, kurma, kasturi, bawang, pisang, pohon bidara, tumbuhan-tumbuhan herba, dan lain-lain. Namun setelah diteliti, pengkaji mendapati bahawa hanya beberapa jenis tumbuhan sahaja yang dinyatakan di dalam al-Qur'an dalam bentuk perumpamaan. Tumbuhan-tumbuhan tersebut ialah pokok kurma, biji benih, rumput, tanaman, daun, pokok, kayu dan tandan. Oleh itu, kajian ini akan menyingkap perumpamaan dalam al-Qur'an terhadap flora.

### **1.9 Kesimpulan**

Perumpamaan dalam al-Qur'an begitu memberi kesan yang mendalam terhadap jiwa manusia. Flora adalah saling berkait rapat dengan kehidupan manusia. Allah S.W.T telah menggunakan flora sebagai perumpamaan dalam al-Qur'an supaya manusia mengambil pengajaran. Justeru itu, kajian ini akan mengetengahkan ayat-ayat al-Qur'an yang mengandungi perumpamaan mengenai flora bagi mengenalpasti keistimewaan dan mesej yang terkandung di dalam ayat-ayat tersebut. Seterusnya, diharapkan kajian ini akan dapat memberi manfaat dan dihayati dalam menjadikan pengajaran dalam kehidupan.

## BIBLIOGRAFI

- ‘Abd al-Raḥmān Muḥammad Al-Qamās. (2009). *Al-Hāwī fī al-Tafsīr*. Emiriah Arab Bersatu: Maktabat al-Shāmilah.
- Abu Mazaya Al-Hafiz. (2013). *Sejarah Lengkap Nabi & Rasul dalam al-Qur’an*. Penyusun: Abu Mazaya (e.d) Mohd. Phuzi Usop, Hamzah Raden Anwar. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication.
- Agung Webe. (2007). *Recollection Menata Kembali Program Pikiran Untuk Hidup Yang Lebih Baik*. Jakarta: PT Gramedia.
- Ahmad Izuddin. (2012). *Ilmu Falak Praktis: Metode Hisab – Rukyat dan Solusi Permasalahannya*. Semarang: Pt. Pustaka Rizki Putra.
- Ahmad Sonhadji Mohammad. (1990). *Tafsīr ‘Abu al-Athīr*. Kuala Lumpur: Pustaka al-Mizan.
- Al-Andalūsīy, Abū Hayyān Muḥammad bin Yūsuf. (1993). (e.d) ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Maūjūd. *Tafsīr al-Baḥr al-Muḥīt*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmīyyat.
- Al-Azharīy, Abū Manṣūr Muḥammad bin Aḥmad. (1976). (e.d) Rasyīd ‘Abd Raḥmān al-‘Abīdīy. *Tahzīb al-Lughat*. Kaherah, Mesir: Dar al-Miṣriyyat Lita’līf wa al-Tarjumat.
- Al-Fayyāḍ, Muhammad Jābir. (1995). *Al-Amthāl fī al-Qurān al-Karīm*. Riyāḍ: al-Dār al-‘Ālamīyyah li al-Kitāb al-Islāmī.
- Al-Maidānīy, ‘Abd al-Raḥmān Ḥasan Ḥabannakah. (1992). *Amthāl al-Qurān wa Ṣuwar min Adabih al-Rafī’*. Cet. 1. Damsyik: Dār al-Qalam.
- Al-Marāghīy, Aḥmad Musthafa. (2001). *Tafsīr Al-Marāghīy*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Mu‘jam al-‘Arabīy al-Asāsīy: Li Natiqin Bi Al-‘Arabīyah Wa Muta’alimiha. (t.t). Larus.
- Al-Qaṭṭān, Mannā’ Khalīl. (1992). *Studi Ilmu-Ilmu Quran*. Diterjemahkan oleh: Drs. Mudzakir AS. P.T. Pustaka Litera AntarNusa.
- Al-Qur’an al-Karim dan terjemahannya.
- Al-Qurtubīy, Abū ‘Abdullah Muḥammad. (2006). (e.d) ‘Abdullah ‘Abd al-Muḥsīn. *Al-Jāmi’ li Aḥkam Al-Qur’ān*. Beirut, Lubnan: Mu’assasat al-Risālat.
- Al-Qurtubīy, Syekh Imam al-Qurtubīy. (2009). *Tafsīr al-Qurtubīy*. Penerjemah: Ahmad Khatib (e.d) Mukhlis bin Mukti. Jakarta: Pustaka Azzam.

- Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahman bin Abū Bakar. (2003). (e.d) Markaz al-Dirāsāt al-Qur’aniyyat. *Al-Itqān fī ‘Ulūm Al-Qur’ān*. Arab Saudi: Majma’ al-Malk al-Fahd Lilṭiba‘at.
- Al-Shawkānī, Muḥammad b. ‘Ali b. Muḥammad. (1994). *Tafsīr Faṭḥ al-Qadīr*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Ṭabarī, Abū Ja’far Muḥammad al-Jarīr. (2001). (e.d) ‘Abdullah ‘Abd al-Muhsīn. *Jami’ al-Bayān ‘An Ta’wīl Āl al-Qur’ān*. Kaherah, Mesir: Dār al-Hajir.
- Al-Ṭabarī, Abū Ja’far Muḥammad bin Jarīr. (2009). *Tafsīr Al-Ṭabarī*. Penterjemah: Fathurrozi Anshari Taslim. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Al-Zamakhshariy, Mahmūd bin ‘Amr bin Muhammad. (1998). (e.d) Muhammad ‘Abd al-Salām Syahin. *Tafsīr al-Kasysyāf ‘An Haqā’iq Ghawāmiḍ al-Tanzīl wa ‘Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta’wīl*. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub ‘Ilmiyyat.
- Al-Zuhaili, Wahbah Mustaffa. (2002). *Tafsīr al-Munīr*. Penterjemah: Abdul Karim Ali (e.d) Abd. Ghani Samsudin. Persatuan Ulama Malaysia: Intel Multimedia Pub.
- Amru Nasrul Haq dan Mohamed (1985). *Tamadun Islam Dalam Biologi dalam Pengenalan Tamadun Islam Dalam Sains dan Teknologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aryulina Diah (2007) *Biologi 1 SMA dan MA untuk Kelas X*. Jakarta: Esis.
- Azhar bin Muhammad (1997) *Penggunaan Gaya Bahasa Perumpamaan Dalam Al-Qur’an: Satu Analisis*. (Tesis Master) Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Azhar Muhammad. (2008). *Perumpamaan Al-Qur’an*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Baharuddin Salleh. (1987). *Pengenalan Alam Tumbuhan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Danial Zainal Abidin. (2002). *Kit Kombat Islam untuk Remaja*, Kuala Lumpur: PTS Publication.
- Faṭḥ al-Qadīr, al-Imam Muḥammad bin ‘Ali bin Muḥammad al-Syaukānī. (2012). *Tafsīr Faṭḥ al-Qadīr*. Penterjemah: Amir Hamzah Fachruddin (e.d) Besus Hidayat, Fajar Inayati. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Febriyanti. (2011). *Nilai-Nilai Pendidikan Dalam Perumpamaan Al-Qur’an*. (Artikel), Fakulti Tarbiah IAIN Raden Fatah Palembang.
- H.E. Desch & J.M. Dinwoodie. (1989). *Kayu: Struktur, Sifat, dan Penggunaan*. Terjemah oleh: Mohd. Zain Jusoh & Mohd. Hamami Sahri. Selangor: Universiti Pertanian Malaysia.
- HAMKA. (1984). *Tafsir al-Azhar*. Jakarta: Panji Masyarakat dan Yayasan Nurul Islam.

- Ibn Kathīr, Isma'īl b. Kathīr al-Qurasyī (1998), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Ibn Kathīr, Muhammad Nasib al-Rifa'ī (2000) *Kemudahan dari Allah: Ringkasan tafsir Ibn Kathir*. Penterjemah: Syihabuddin. Jakarta: Gema Insani Press.
- Ibn Manzūr. (1997). *Lisān al-'Arab*. Cetakan ke-2. Bierut: Dār Ihya' at-Turāth al-Arabiyy.
- Ilham Tahir. (2010). *Penafsiran Ayat-Ayat Perumpamaan Menurut M.Quraish Shihab dalam Tafsir Al-Misbāh*. (Tesis Master). Yogyakarta: UIN Sunan Kalijaga.
- Ir. Rostita & Tim Redaksi Qanita. (2009). *Khasiat dan Keajaiban Kurma*. Cet.1. Bandung: PT Mizan Pustaka.
- J.F.Dumanauw. (2001). *Mengenal Kayu*. Yogyakarta: Kanisius.
- J.G. Haygreen & J.L. Bawyer. (2003). *Pengenalan Hasil Hutan dan Sains Kayu*. Penterjemah Suhaimi Muhammed dan Sheikh Abd Karim Yamani Zakaria. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA.
- Kamus Al-Tullab Arab-Melayu*. (2008). Hussin bin Unang. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007). Cetakan Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2010). Cetakan Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairuddin Hj.Kamaruddin. (2001). *Tumbuhan Tempatan Malaysia Kaitannya Dengan Nama Tempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairul Anuar Abu Othman, Salmah Ahmad & Md.Nor Abdullah. (2013). *Estetika Tajsim dan Takhyil Dalam Seni Taswir Flora Al-Qur'an Al-Karim*. (Jurnal) Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maimunah Jantan. (1983). *Alam Tumbuhan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mike Janulewicz. (1991). *Tumbuhan*. Diterjemahkan oleh Anita Ng dan Rosmiaty Shaari. Kuala Lumpur: Malaysia.
- Mohd Sukki dan M.Y. Zulkifli. (2012). *Perumpamaan Serangga Dalam Al-Qur'an: Analisis I'jāz*. 2<sup>nd</sup> Annual International Quranic Conference. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Sukki Othman. (2004). *Manusia dalam al-Qur'an: Satu Kajian Dari Perspektif al-Mathal al-Sarih*. Al-Bayan Journal of al-Qur'an and al-Hadith. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.



- Mohd Sukki Othman. (2011). *Al-Amtal bi al-Hayawan dalam Al-Qur'an: Kajian Dari Perspektif I'jāz bayānīy Dan I'jāz 'ilmīy*. (Tesis PhD.) Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Zaini bin Md Zain (2011). *Al-Amthal dalam Al-Qur'an Dan Al-Sunnah Al-Sahihah: Satu Kajian Khusus Terhadap Golongan Mukmin*. Disertasi Sarjana pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Zubir Mat Jafri, Lim Hwee San dan Syahril Amin Hashim. (2009). *Astronomi Pelestarian di Malaysia: Penentuan saiz anak bulan menggunakan teknik pemprosesan imej digital*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Mohd. Majid Konting. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Fauzi Jumingan. (2006). *Konsep Agro-Pertanian Dalam Al-Qur'an Menurut Perspektif Semantik-Pragmatik*. Persidangan Kolokium Lantikan Penarah Baharu 2006, anjuran RMC Universiti Putra Malaysia.
- Muhd. Najib Kadir bin Abdul Kadir. (1998). *Perumpamaan dalam al-Qur'an: Satu Kajian Khusus Mengenai Golongan Munafiq*. (Tesis Master) Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mustafa Hj.Daud. (1999). *Tamadun Islam – Edisi Maktab Perguruan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mustafa Muslim. (2009). *Mabāhith I'jāz fī al-Qur'an*. Cet.3. Damsyik Dar al-Qalam.
- Nigel Saunders & Steven Chapman. (2010). *Tenaga Yang Boleh Diperbaharui*. Penterjemah: Asma binti Saad. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Nik Norimah Tuan Mat. (2012). *Kajian Al-Amthal dalam al-Qur'an Mengenai Manusia di dalam Surah al-Baqarah dari aspek I'jāz al-Qur'an*. (Tesis Master) Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Saipolbarin Ramli & Ahmad Fikri Hj. Husin (2014) *Keselarasan Konsep al-Tazkir dan al-Ta'niith pada perkataan نُحْلٍ مُنْقَعٍ وَأَعْجَازٌ نُحْلٍ خَاطِيَةٍ dalam al-Qur'an al-Karim: Satu Perbincangan*. *E-Journal of Arabic Studies and Islamic Civilization*. Universiti Malaya.
- Saipolbarin Ramli. (2015). *Istilah Tumbuh-Tumbuhan Dalam Al-Qur'an Al-Karim: Kajian Leksikografi Dan Analisis Wacana Bahasa Arab*. (Tesis PhD). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Samad, Azhari & Norlizam. (2004). *Kaedah Penentuan Awal Ramadhan, Syawal dan Zulhijah di Malaysia*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Sayyid Qutb. (1992). *Tafsir Fi Zilalil Qur'an: Terjemahan Dari As'ad Yasin, 'Abd Aziz Salim Basyarahil & Mukhothob Hamzah*. Jakarta: Gema Insani.
- Sayyid Qutb. (2000). *Tafsir fi Zilalil Qur'an: Di bawah Bayangan Al-Qur'an*. Penerjemah Yusoff Zaky Haji Yacob. Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Sumaiyah binti Mohd Tamizi. (2015). *Tumbuhan Terpilih Menurut Perspektif Islam dan Sains Kesihatan*. Disertasi bagi Ijazah Sarjana Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Suraida. (2012). *Identifikasi Tumbuhan Penghijauan Sebagai Media Belajar Biologi*. EDU-BIO Jurnal Program Studi Tadris Pendidikan Biologi, Fakulti Tarbiah IAIN Sulthan Thaha Saifuddin Jambi.
- Wan Hanisah Wan Ismail, Ahmed Azhar bin Jaafar, Zulkifli bin Abdul Ghani, Mohd Supi bin Musa. (2003). *Kajian Keperluan dan Kesesuaian Agronomi di Tapak Semaian Tumbuhan Ubatan*. Proceedings of CSSR 2004. Universiti Teknologi Mara.
- Yahaya Jusoh dan Azhar Muhammad (2007). *Pendidikan Falsafah Sains Al-Qur'an*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Yusuf Al-Hajj Ahmad. (2012). *Ensiklopedia Kemukjizatan Sains Dalam Al-Qur'an dan Sunnah*. Penerjemah: Hj. Abu Maula MA, Hj. Abu Hana Lc, Hj. Agus Irawan Lc. Selangor: Al-Hidayah Publication.
- Zainal Abidin bin Mohamad. 2002. *Perumpamaan (Al-Amthal) Dalam Al-Qur'an: Satu Kajian Khusus Mengenai Golongan Kafir Dan Ahli Kitab*. Disertasi Fakulti Pengajian Islam. Bangi: Universiti kebangsaan Malaysia.
- Zamzam Atirah. (2004). *Al-Amthāl Dalam al-Qur'an: Kajian Terhadap Surah Al-Nahl*. (Tesis Master) Bangi: Universiti Malaya.
- Zawawi Ismail & Mohd Sukki (2005) *Pendidikan Bahasa Arab di Malaysia: Cabaran & Inovasi*. Selangor: Minda Imtiyaz.
- Zulkifli Haji Mohd Yusoff. (2009) *Kamus Al-Qur'an: Rujukan lengkap Kosa Kata dalam al-Qur'an*. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.

[http://febriyanti-fabillah.blogspot.com/\(20/03/2014\)](http://febriyanti-fabillah.blogspot.com/(20/03/2014))





**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA**

**SESI AKADEMIK :** \_\_\_\_\_

**TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :**

PENGGUNAAN FLORA SEBAGAI PERUMPAMAAN DI DALAM AL-QURAN

**NAMA PELAJAR :** SOLEHAH BINTI SALEH

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

\*sila tandakan (v )

**SULIT**

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

**TERHAD**

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

**AKSES TERBUKA**

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

**PATEN**

Embargo \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_  
(tarikh) (tarikh)

**Pengesahan oleh:**

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pelajar)  
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)  
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]